

UEM Edgenta Teraju Inovasi Langkah Keselamatan di Tempat Kerja

- Syarikat menekankan keselamatan dan kesihatan psikologi, fizikal, pengurusan COVID-19, program penglibatan bersama kontraktor serta pensijilan & akreditasi.
- Jalin kerjasama dengan pihak berkepentingan untuk mengukuhkan tahap keselamatan dan kesejahteraan emosi warga kerja agar produktiviti di tempat kerja dapat ditingkatkan.
- Program kesedaran vaksinasi dipergiat agar peralihan pemulihan ekonomi berjalan dengan lancar merentasi ke seluruh operasi perniagaan.

KUALA LUMPUR, 1 Oktober – UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat peneraju Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur di rantau ini, meneruskan usahanya untuk mengkaji kaedah baharu yang lebih baik untuk meningkatkan tahap keselamatan di tempat kerja dalam norma baharu, dan meraikan pencapaian keselamatan Syarikat semasa Hari Keselamatan UEM Edgenta 2021 yang diadakan secara maya baru-baru ini.

Disertai oleh warga kerja Syarikat di dalam dan luar negara, Hari Keselamatan UEM Edgenta 2021 yang bertemakan 'Quality Talk, Quality Tick', menandakan hari ke-621 sejak kejadian terakhir melibatkan kematian direkodkan di Syarikat, menjadikannya tempoh paling selamat untuk UEM Edgenta meskipun berdepan dengan wabak virus COVID -19.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan / Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, "Hari Keselamatan yang dianjurkan ini adalah salah satu contoh komitmen Syarikat untuk terus memperkukuhkan aspirasi "Goal Zero" kami dalam mencapai kadar kemalangan dan kecederaan sifar di tempat kerja. Jika dilihat kepada operasi dan perniagaan yang dijalankan Syarikat, hampir 70% warga kerja kami boleh dianggap sebagai petugas barisan hadapan, justeru adalah penting bagi kami untuk mematuhi setiap prosedur operasi standard ("SOP") dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dalam memastikan keselamatan semua pihak terjamin semasa mereka menjalankan tugas."

Beliau turut berkata, "Alhamdulillah, kami juga amat gembira untuk mengumumkan bahawa kadar vaksinasi di UEM Edgenta menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan, di mana hampir 95% warga kerja kami telah menerima dos pertama atau kedua vaksin COVID-19 mereka. Kami akan terus mementingkan kesihatan emosi dan fizikal warga kerja untuk memastikan perkhidmatan yang berkualiti dapat disediakan untuk para pelanggan kami dengan lebih baik, dan menekankan penjagaan keselamatan pada setiap masa supaya kita semua dapat kembali menemui orang tersayang setiap hari."

Berdasarkan kejayaan ini, Syarikat telah mempergiat usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan untuk mengurangkan kecederaan dan sebarang insiden di tempat kerja dengan memperkenalkan pelbagai program untuk meningkatkan kesihatan fizikal dan emosi di kalangan warga kerjanya. Ini termasuk menganjurkan Radio Taiso, senaman ringan yang dilakukan oleh warga kerja UEM

Edgenta sebelum memulakan tugas pada waktu pagi, program BeFit - Life's Simple 7, sesi penilaian untuk mengenal pasti tahan kecergasan warga kerja Syarikat, program perkongsian pengetahuan ('Brown Bag') dengan penceramah jemputan untuk membincangkan isu dan cabaran semasa, serta pemeriksaan COVID-19 berkala untuk warga kerja di semua perniagaan Syarikat.

Selain itu, Syarikat juga telah melaksanakan Pelan Tindakan Kecemasan ("ERP") dan diikuti dengan latihan secara berkala, serta menubuhkan pasukan penasihat untuk membantu warga kerja yang menghadapi cabaran dari segi fizikal atau emosi. Di samping itu, Program Peningkatan Kesedaran Vaksinasi dan Buku e-Panduan Jangkitan, Pencegahan & Kawalan juga dijalankan untuk mempromosikan vaksinasi COVID-19 di kalangan warga kerja dan kontraktor bagi memupuk persekitaran kerja yang selamat dan membantu memastikan liputan vaksinasi dicapai seluas mungkin dalam komuniti dimana UEM Edgenta beroperasi.

Sehingga kini, bahagian *Operational Excellence & Health, Safety, Security and Environment* ("OE & HSSE") Syarikat telah menjalankan 1,419 sesi *Quality Talk Quality Tick* dengan barisan tenaga kerja dan kontraktornya, di mana perbincangan mengenai cara-cara untuk meningkatkan keselamatan dan kualiti tugas diadakan dan diikuti dengan pemeriksaan tapak kerja. Syarikat juga melancarkan 43,875 sesi taklimat tanpa bersemuka yang melibatkan perbincangan keselamatan secara santai sepanjang tempoh pandemik ini.

Andrew Raj, Ketua Bahagian OE & HSSE UEM Edgenta berkata, "Keselamatan adalah asas budaya kami di UEM Edgenta. Bersempena dengan Hari Keselamatan 2021, marilah kita saling mengingatkan antara satu sama lain bahawa keselamatan adalah tanggungjawab kita bersama yang perlu digalas oleh semua warga kerja. Kami berbangga dapat mengekalkan amalan terbaik HSSE dalam memperkukuhkan komitmen kami untuk mencapai "Goal Zero"."

"Penyelesaian dan langkah-langkah keselamatan yang dibangunkan secara dalaman kami membolehkan peningkatan parameter keselamatan dan kesihatan ke standard tertinggi di seluruh operasi perniagaan. Kami akan terus memperluaskan penggunaan teknologi dan inisiatif digital untuk mencapai kecekapan operasi yang lebih baik, serta memastikan kebajikan dan kesejahteraan warga kerja dan pihak berkepentingan kami terjaga," tambah Andrew.

Bagi menambah baik program penglibatan bersama kontraktornya, UEM Edgenta juga telah mengadakan *Contractor Engagement Roadshow* ("CER") 2021 maya baru-baru ini, yang melibatkan 360 peserta termasuk para kontraktor dan pengamal keselamatan. Dalam acara tersebut, Syarikat memperkenalkan *Infrastructure Vendor Development Programme* ("IVDP"), yang bertujuan untuk meningkatkan lagi penglibatan dan kualiti kerja dari kontraktor di bahagian *Infrastructure Services* Syarikat.

Pada tahun 2020, Syarikat telah berjaya mendapatkan pengiktirafan antarabangsa sebagai satu-satunya syarikat dari luar Australia yang menerima *Fleet Safety Award* semasa majlis penganugerahan *Fleet Award* yang dianjurkan oleh Australasian Fleet Management Association (“AfMA”).

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.